

06 JAN 1997

UNDANG-UNDANG ROBOH RUMAH DI TEPI SUNGAI MUNGKIN DIWUJUD

KOTA KINABALU, 6 Jan (Bernama) -- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri membayangkan kemungkinan mewujudkan undang-undang kecil bagi memberi kuasa kepada pihak berkuasa tempatan merobohkan rumah yang didirikan di kawasan rendah dan tebing sungai.

Menteri berkenaan Datuk Lajim Ukin berkata kementerian itu setakat ini telah mengarahkan semua pihak berkuasa tempatan menyediakan laporan mengenai jumlah rumah yang didirikan di kawasan berkenaan di seluruh negeri ini.

"Selepas kita mendapat laporan penuh, kita akan membawanya ke kabinet untuk dibincangkan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan RM10,000 daripada Kumpulan K3P kepada mangsa banjir di Sabah dua minggu lepas.

Lajim ialah Pengerusi Kumpulan K3P peringkat negeri.

Setakat ini tabung bencana ribut Greg telah mengutip sumbangan wang berjumlah RM2.3 juta.

Beliau juga menyatakan sokongan terhadap saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dua hari lepas berhubung langkah penempatan semula penduduk yang mendirikan rumah mereka di tebing-tebing sungai bagi mengelakkan tragedi sekiranya berlaku banjir di kawasan berkenaan. --

BERNAMA

JS NMO